

KERTAS
GERAKAN ISLAM LIBERAL
DI INDONESIA DAN KAITANNYA
DENGAN ESQ

KAJIAN OLEH :
SAHIBUS SAMAAH DATUK WAN ZAHIDI BIN WAN TEH
MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR

JABATAN MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

GERAKAN “ISLAM” LIBERAL DI INDONESIA

1. PENDAHULUAN

“*Ada Pemurtadan Di IAIN*”. Demikianlah judul buku yang ditulis oleh Hartono Ahmad Jais bagi mendedahkan gerakan di atas. IAIN adalah singkatan bagi : Institut Agama Islam Negeri. Manakala majalah “*Suara Hidayatullah*” keluaran September 2005 dalam makalah kajian utamanya oleh Untung Wahono meletakkan judul “*Liberalisme, Munuhankan Akal Manusia*”. Majalah Media Dakwah Keluaran Oktober, 2006 dalam Laporan Utama juga membincangkan judul : ‘*Sipilis’ Melawan Kitab Suci*. Sipilis adalah singkatan daripada : Sekularisme, Pluralisme dan Liberalisme. Sepintas lalu kita mungkin menganggap judul-judul di atas agak keterlaluan dalam memerihalkan sebuah gerakan yang mana para pendukungnya adalah “orang-orang Islam”. Namun anggapan di atas lenyap sedikit demi sedikit apabila kita melihat fakta-fakta yang didedahkan oleh penulis-penulis di atas dan penulis-penulis lainnya yang akan dipaparkan dalam tulisan ini dengan izin Allah Taala.

Dengan keterangan di atas, penggunaan istilah “*Islam Liberal*” menimbulkan sedikit dilema kerana daripada satu segi, ianya bukan Islam, malah bercanggah dengan Islam tetapi daripada segi yang lain gerakan ini dikenali dengan istilah demikian. Malah golongan berkenaan menamakan diri mereka sebagai Islam Liberal. Namun bagi tujuan pengenalan, istilah ini terpaksa digunakan walaupun ianya tidak tepat. Ini samalah dengan penggunaan istilah “*orang-utan*” bagi menunjukkan haiwan khusus. Walaupun ianya bukanlah orang, namun istilah berkenaan terpaksa digunakan untuk tujuan pengenalan ketika merujuk kepada haiwan berkenaan.

2. FATWA MAJLIS ULAMA INDONESIA (MUI)

Majlis Ulama Indonesia (MUI) dalam Musyawarah Nasional (MUNAS) ke 7 telah mengeluarkan fatwa mengenai penyelewengan aliran Pluralisme, Sekularisme dan Liberalisme. Berikut ini diperturunkan teks fatwa berkenaan :

i) Ketentuan Umum

Dalam fatwa ini yang dimaksudkan dengan **Pluralisme agama** adalah suatu faham yang mengajarkan bahawa semua agama adalah sama, dan kerananya kebenaran setiap agama adalah relatif. Oleh sebab itu, setiap pemeluk agama tidak boleh mengklaim bahawa hanya agamanya saja yang benar, sedangkan agama yang lain salah. Pluralisme juga mengajarkan bahawa semua pemeluk agama akan masuk dan hidup berdampingan di Syurga.

Liberalisme adalah memahami nash-nash agama (Al-Quran dan As Sunnah) menggunakan akal fikiran yang bebas; hanya menerima doktrin-doktrin agama yang sesuai dengan akal fikiran semata.

Sekularisme adalah memisahkan urusan duniawi daripada agama. Agama hanya digunakan untuk mengatur hubungan peribadi dengan Tuhan, sedangkan hubungan sesama manusia diatur hanya dengan berdasarkan kesepakatan sosial.

ii. Ketentuan Hukum

- a. Pluralisme, Sekularisme dan Liberalisme agama sebagaimana dimaksud pada bahagian pertama adalah fahaman yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.
- b. Umat Islam haram mengikuti faham pluralisme, sekularisme dan liberalisme agama.
- c. Dalam masalah akidah dan ibadah umat Islam wajib bersifat **eksklusif** dalam artian haram mencampuradukkan antara akidah dan ibadah umat islam dengan akidah dan ibadah pemeluk agama lain.

- d. Bagi masyarakat muslim yang tinggal bersama pemeluk agama lain (pluralitas agama), dalam masalah sosial yang tidak berkaitan dengan akidah dan ibadah: umat Islam bersikap **inklusif** : dalam artian tetap melakukan pergaulan sosial dengan pemeluk agama lain sepanjang tidak saling merugikan.

(Ditetapkan di Jakarta. Pada Tanggal : 22 Jumadd Akhir 1426H/29 Juli 2005M).

3. **PROSES PENGHANCURAN AKIDAH**

Fatwa MUI di atas sudah tentu tidak dikeluarkan kecuali setelah merasakan wujud ancaman sebenar daripada kaum Liberal terhadap akidah dan syariat Islam :

- 3.1 Adian Husaini dalam bukunya "*Islam Liberal. Pluralisme Agama dan Diabolisma Intelektual* " menulis :

Mencermati fenomena sekularisasi – Liberalisasi di Indonesia seperti itu boleh dikatakan bahawa negara dengan jumlah Muslim terbesar di dunia ini sedang mengalami proses penghancuran akidah secara besar-besaran. Cuba bayangkan, sebagai contoh, pada tahun 1981 diterbitkan sebuah buku berjudul "*Pergolakan Pemikiran Islam: Catatan Harian Ahmad Wahib*". Di antara isinya adalah kata-kata Ahmad Wahib.

"Wah andaikata hanya tangan kiri Muhammad yang memegang kitab yaitu al-Hadis, sedang dalam tangan kanannya tidak ada wahyu Allah (al-Quran), maka dengan tegas aku akan berkata bahawa Karl Marx dan Frederich Engels lebih hebat dari utusan Tuhan itu. Otak kedua orang itu yang luar biasa dan pengabdianya yang luar biasa pula, akan menyakinkan setiap orang bahawa kedua orang besar itu adalah penghuni syurga tingkat pertama, berkumpul dengan para Nabi dan Syuhada".

3.2 **Azumardi Azra.** Rektor UIN (Universiti Islam Negeri), seorang tokoh penting Islam Liberal, memberi kata pengantar buku *“Islamic Invation”* karangan Robert Morey yang mengandungi penghinaan terhadap Islam. Antara kata-kata yang terdapat dalam buku ini ialah :-

“ Kekuatan dan kegeniusan Muhammad yang mengagumkan membuat dia mampu merubah tatacara ibadat penyembahan dewa bulan yang bernama Allah itu menjadi sebuah agama Islam, agama kedua terbesar dunia”.

“ Namun kalau kita perhatikan kehidupan Muhammad, kita akan menemukan bahawa dia merupakan manusia biasa yang juga bergelumang dosa seperti halnya dengan kita semua. Dia berbohong. dia menipu, dia dipenuhi nafsu berahi, dia mengingkari janji, dia membunuh dan lain-lain. Dia tidak sempurna dan dia juga berdosa”.

3.3 Sukidi, seorang aktivis Muhammadiyah yang aktif menyebarkan faham pluralisme agama menulis dalam akhbar JAWA Pos 11 Januari, 2004 seperti berikut :

“Dan Konsekuennya, ada banyak kebenaran (many truths) dalam tradisi dan agama-agama. Nietzsche menegaskan adanya “Kebenaran Tunggal dan justru bersifat afirmatif terhadap banyak kebenaran, Mahatma Gandhi pun seirama dengan mendeklerasikan bahawa semua agama – entah Hinduisme, Buddhisme, Yahudi, Kristen, Islam, Zoroaster, maupun lainnya adalah benar. Dan konsekuensinya, kebenaran ada dan ditemukan pada semua agama kerana itu, mari kita memproklamasikan kembali bahawa pluralisme agama sudah menjadi hukum Tuhan (sunnatullah) yang tidak mungkin berubah “.

3.4 Dr. Alwi Shibah dalam bukunya *“Islam Inklusif : Menuju Sikap Terbuka dalam Beragama”* menyatakan :

“Prinsip lain yang digariskan oleh Al-Quran adalah pengakuan eksistensi orang-orang yang berbuat baik dalam setiap komunitas beragama. Dan dengan begitu, layak memperoleh pahala dari Tuhan. Lagi-lagi prinsip ini memperkokoh ide mengenai pluralisme keagamaan dan menolak eksklusivisme. Dalam pengertian lain, eksklusivisme keagamaan tidak sesuai dengan semangat Al-Quran. Sebab Al-Quran tidak membeda-bedakan antara satu komunitas agama dari lainnya “.

3.5 Seorang lagi aktivis Jaringan Islam Liberal, **Sumanto Qurtuby** membuat kenyataan-kenyataan berikut dalam bukunya *“Lubang Hitam Agama”* yang **menolak Quran sebagai Kitab Suci** :

- *“Disinilah maka tidak terlalu meleset jika dikatakan Al-Quran dalam batas-batas tertentu adalah “perangkap” yang dipasang **bangsa Quraisy**”*

- *maka penjelasan mengenai Al-Quran sebagai “firman Allah” sungguh tidak memadai justeru dari sudut pandang internal, yakni proses kesejarahan terbentuknya teks-teks Al-Quran dan komunikasi tulisan, maupun aspek material dari Al-Quran sendiri yang dipenuhi ambivalensi kerana itu tidak pada tempatnya, jika ia disebut “Kitab Suci” yang disakralkan dimitoskan”.*

3.6 **Dr. Nicholas Majid** yang dianggap sebagai tokoh aliran liberal paling terkemuka, ketika menjawab soalan peserta dalam majlis pengajaran di Paramadina yang ia pimpin mengatakan :

“Iblis kelak akan masuk syurga, bahkan di tempat yang tertinggi, kerana dia tidak mahu sujud kepada kecuali kepada Allah saja, dan inilah tauhid yang murni”.

3.7 **Ulii Abshar Abdalla**, pengasas dan koordinator Jaringan Islam Liberal (JIL) telah membuat kenyataan berikut dalam beberapa media massa yang menghina Islam dan Nabi Muhammad S.A.W. :

- *“ Menurut saya, tidak ada yang disebut hukum Tuhan dalam pengertian seperti yang di fahami kebanyakan orang Islam, misalnya hukum Tuhan tentang pencurian, jual beli, pernikahan, pemerintahan dan lain-lain “* (Kompas, 18 November, 2002).
- *“Rasul Muhammad adalah tokoh historis yang harus dikaji dengan kritis sehingga tidak hanya menjadi mitos yang dikagumi saja, tanpa memandang aspek-aspek beliau sebagai manusia yang juga banyak kekurangannya”.* (Kompas : 18 November 2002)
- *“Islam – seperti pernah dikemukakan cek Nur dan sejumlah pemikir-pemikir lain – adalah ‘nilai generis’ yang bisa ada di Kristen, Hindu, Budha, Konghucu, Troisme..... bisa jadi kebenaran ‘Islam’ ada dalam filsafat marxisme”.* Kompas, 18 November 2002)
- *“Semua agama sama. Semuanya menuju jalan kebenaran. Jadi Islam bukan yang paling benar”.* (Gatra, 21 Disember 2002)
- *“Larangan Kawin beda agama bersifat kontekstual.... Pada zaman Nabi, Umat Islam sedang bersaing untuk memperbanyak umat. Nah saat ini, Islam sudah semiliar lebih. Kenapa harus takut kawin dengan yang di luar Islam “.* (Gatra, 21 Disember 2002)

Daripada petikan-petikan di atas kita dapat memahami mengapa MUI mengeluarkan fatwanya di atas. Malah Fatwa tersebut dikira agak lunak, kerana apa yang keluar daripada mulut mereka bukan lagi haram, tetapi kufur dan riddah, seperti yang digambarkan oleh Hartono Ahmad Jaiz dalam bukunya. Dan lebih aneh lagi apabila gerakan ini berlaku di pusat-pusat

pengajian Tinggi Islam dengan para pendukungnya terdiri daripada mereka yang dianggap sebagai tokoh-tokoh Islam (?).

4. PLURALISME AGAMA, LIBERALISME DAN SEKULARISME

Pemikiran Islam Liberal berpunca daripada pengaruh pandangan hidup Barat dan peradabannya yang mendominasi segenap bidang kehidupan dewasa ini. Usaha-usaha untuk merombak segala yang tetap atau "*thawabit*" dalam Islam merupakan ciri utama pemikiran ini. Takrif Islam yang telah disepakati perlu diliberalkan dan dirombak sehingga orang bukan Islam pun dianggap sebagai muslim, dan agama selain Islam juga diterima sebagai Islam. Al-Quran yang diimani oleh seluruh penganut Islam sebagai wahyu illahi diragui kesahihannya dan dianggap sebagai '*perangkap Quraisy*'. Kelompok Islam Liberal ingin menjadikan Islam senasib dengan agama-agama di Barat seperti Kristian dan Yahudi yang tunduk kepada arus sekularisasi. Mereka mengusung slogan "***Menuju Masa Depan Yang Membebaskan***" sebagai perangkap bagi menjerumuskan umat Islam ke Lembah pengabdian total kepada pemikiran dan cara hidup Barat yang kufur dan menyesatkan.

Memandangkan gerakan Islam Liberal bertunjangkan kepada tiga fahaman diatas, maka dipaparkan berikut ini huraian lebih lanjut tentang susur galur ketiga-tiga fahaman tersebut dan dampaknya ke atas pemikiran dan tindakan para pendukungnya:

4.1 Pluralisme Agama

Pluralisme agama adalah fahaman yang menyamakan semua agama. Fahaman ini lahir sebagai akibat daripada pengaruh sekularisme dan proses sekularisasi masyarakat Barat yang beragama Kristian. Mengikut fahaman ini, agama-agama besar dunia – Islam, Kristian, Yahudi, Buddha, Hindu dan lain-lain terbahagi kepada dua struktur utama, luaran dan dalaman. Agama-agama ini menurut pandangan mereka hanya berbeza pada struktur

luarannya sahaja, manakala struktur dalamannya adalah sama, iaitu menuju pada tuhan yang satu.

Pemikiran pluralisme agama mula muncul pada zaman yang dikenali dengan Pencerahan (Enlightenment) Eropa, iaitu sekitar abad ke 18 masihi. Ketika memasuki abad ke 20 seorang ahli teologi Kristian Erntroeltsch melontarkan gagasan pluralisme agama yang mendukung fahaman yang mengatakan di luar gereja juga ada keselamatan. Gagasan Troeltsch ini memperakui bahawa dalam semua agama, termasuk Kristian selalu mengandungi elemen kebenarannya dan tidak ada satu agama pun yang memiliki kebenaran mutlak.


Karl Rahner (1904 – 1984), seorang ahli teologi Katolik terbesar abad ini telah mengenengahkan fahaman "*Kristian Anonim*" bagi mengatasi fahaman sempit yang menjadi pegangan Gereja "*extra ecclessiam nulla salus*" (di luar gereja tidak ada keselamatan). Menurut fahaman ini, di luar gereja ada ramai orang baik yang sama sekali tidak ada kaitan dengan gereja, namun mereka tetap berada dalam liputan rahmat ilahi, dan dengan demikian tanpa disedarinya – secara '*anonym*' – merupakan orang Kristian. Walaupun fahaman ini pada mulanya dikritik oleh pelbagai pihak, namun pada tahun 1965, Gereja Katholik dalam "*vatican council II*" telah mengeluarkan deklarasi menyatakan bahawa mereka yang tidak dibaptis juga dapat diselamatkan asal mereka hidup menurut **suara hati** mereka. Sikap begini dipanggil "*inklusif*" (inclusive). Manakala fahaman yang menganggap bahawa kebenaran hanya ada pada agama sendiri di panggil "*eksklusif*" (exclusive). Gerakan pembaruan dan kecenderungan beragama seperti ini juga merupakan tren dominan di benua India. Salah satu gerakan pembaruan Hindu Moden ialah "*Ramakrishna Mission*" yang diasaskan oleh Sawami Vivakananda pada penghujung abad ke 19. Gerakan ini mengajarkan bahawa semua agama merupakan jalan-jalan yang berbeda menuju Tuhan yang sama.

Adalah jelas daripada apa yang dipaparkan di atas bahawa fahaman pluralisme agama yang dijaja oleh golongan Liberal atas nama pembaharuan

ini merupakan pengaruh agama Hindu dan Kristian yang coba diterapkan ke dalam masyarakat Islam. Nurcholis Madjid adalah antara tokoh Islam Liberal yang turut menyebarkan faham ini di Indonesia. Dalam buku "*Tiga Agama Satu Tuhan*" beliau menyatakan :

"Sebagai sebuah pandangan keagamaan pada dasarnya Islam bersifat inklusif dan merentangkan tafsirannya ke arah yang semakin pluralis. Sebagai contoh, filsafat perenial yang belakangan ini banyak dibicarakan dalam dialog antara agama di Indonesia merentangkan pandangan pluralis dengan mengatakan bahawa setiap agama sebenarnya merupakan ekspresi keimanan terhadap Tuhan yang sama. Ibarat roda, pusat roda itu adalah Tuhan, dan jari-jari itu adalah jalan dari berbagai agama. Falsafah perenial juga membagi agama pada level esoterik (batin) dan eksoterik (lahir). Satu agama berbeda dengan agama lain dalam level eksoterik tetapi relatif sama dalam level esoteriknya, oleh kerana itu, ada istilah "satu Tuhan Banyak Jalan".

Apa yang diutarakan oleh Nurcholis Madjid sebenarnya merupakan kopi daripada salah satu aliran fahaman pluralisme agama yang berkembang di Barat, iaitu "Transcendent Unity of Religions (TUR). Dan permissalan roda dan jari-jari yang beliau kemukakan bagi mengungkapkan kesatuan agama-agama di peringkat 'trensenden' adalah kopi daripada permissalan segi tiga yang dikemukakan oleh Huston Smith, salah seorang pendokong faham TUR dengan versi yang sedikit berlainan seperti yang digambarkan dalam diagram ini :



Asas agama Islam adalah akidah. Kerosakan akidah akan membawa dampak yang besar kepada bahagian agama yang lain seperti penghancuran syariat, kerosakan akhlak, hilang rasa hormat dan ta'zim terhadap perkara-perkara yang suci dalam Islam, seperti Al-Quran, Rasulullah S.A.W. dan sebagainya. Kesan-kesan kerosakan di atas dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut :-

- a. **Mengubah Makna Kalimah Syahadah** : Nurcholish Madjid telah menterjemah kalimah syahadah dengan pengertian "*Tidak ada tuhan kecuali Tuhan*" Terjemahan begini dibuat bagi menyesuaikan dengan faham pluralismenya yang menganggap bahawa menyembah tuhan yang manapun adalah benar dan boleh menjadi orang Islam. Oleh itu, nama Allah subhanahu Wata'ala diganti dengan lafaz "*Tuhan*" yang bersifat umum.
- b. **Allah Dewa Air** : Ketika lawatan ke Saudi Arabia, dalam sebuah diskusi dengan mahasiswa Indonesia di Madinah, Nurcholish Madjid di tanya mengapa kalimah syahadah diterjemahkan dengan "*Tiada tuhan kecuali Tuhan*", beliau menjawab : "*Sebab Allah itu adalah Dewa Air* ". Dalam sebuah wawancara dengan akbar Pelita, Ketika menyentuh isu ini, beliau menjelaskan rujukannya ialah Dr. Ismail Faruqi dalam bukunya "*The Cultural*

Atlas of Islam “. Untuk membuktikan bahawa apa yang disebut oleh Nurcholish itu satu bentuk pengeliruan dan pemalsuan, diperturunkan berikut ini teks tulisan Dr. Ismail Faruqi dalam buku yang disebutkan di halaman (65) : “*South Arabian (Main, Saba’, and Qataban)* as well North Arabian (Lihyan, Thamud, and Safa) inscription give evidence the a supreme deity called **Al Ilah** or **Allah** worshipped from time immemorial. This deity watered the earth, made the crops grow, the cattle multiply, and the springs and wells yield their life-giving waters”. Diperturunkan juga di sini teks versi Bahasa Arab:

"في كتابات ونقوش وجدت في جنوب بلاد العرب (معين سباء قطبان)
وفي شمالها (لحيان، ثمود، صفا) نلمس الدليل على وجود معبود أسمى يدعى "الإله " أو " الله " كان يعبد منذ
أزمنة سحيقة. وكان هذا المعبود يروى الارض وينمى النباتات ويكثر المواشى ويبعث ماء الحياة في الينا بيع
والآبار"
(ص : ١١٩)

Dr. Faruqi dalam Bahagian 1 Bab 3 bukunya ini menceritakan keadaan bangsa Arab sebelum kedatangan Islam, manakala keadaan selepas kedatangan Islam dibicarakan di Bahagian 2. Adalah tidak masuk akal seorang ahli akademik tidak memahami maksud tulisan di atas. Bangsa Arab sebelum Islam memang mengenal Allah sebagai pencipta langit dan bumi yang menurunkan hujan dan sebagainya seperti yang disebut oleh Quran dalam surah Az-zumar ayat 36 dan ayat-ayat lain. Namun demikian mereka menyegutukan Allah dengan berhala-berhala dan sebagainya. Bangsa Arab di sepanjang sejarahnya tidak pernah mengenali tuhan yang di panggil “dewa” kerana istilah “dewa” sebagai sembah hanya dikenali di kalangan bangsa India. Inilah cara yang digunakan oleh kaum Liberal dalam menutup jenayah penghinaan terhadap Allah Subhanahu Wata’ala dengan menyandarkan percakapannya kepada orang lain dengan cara pemalsuan dan pengeliruan.

- c. **Islam Bukan Agama** : Sewaktu menyampaikan ceramah di Taman Ismail Marzuki, Jakarta pada Oktober 1992, Nurcholish

mendakwa bahawa Islam yang disebut dalam Quran bukan nama sebuah agama, melainkan ianya merupakan “sikap berserah diri kepada Tuhan”. Dr. Franz Magnis-Suseno, seorang pengagum beliau menulis mengenai pandangan Cak Nur ini: “Nurcholish pelan-pelan membuka keterkupan itu. Ia memperlihatkan bahawa kriteria keberkanaan pada Allah bukan keanggotaan formal pada sebuah agama ansich – secara sederhana : masuk Islam atau tidak – melainkan sikap hati orang itu. “Islam” juga bererti “ penyerahan pada Tuhan. Maka siapa pun yang menyerah diri pada Tuhan, meskipun ia, secara formal berada di luar agama Islam dan dengan demikian dalam pengertian agama Islam, di luar kepenuhan kebenaran, tetapi tetap dapat berkenan pada allah dan akan diselamatkan. (Menembus Batas Tradisi : hlm. 173). Pendapat yang terang-terang kufur dan riddah ini nampaknya begitu di sanjung oleh orang kafir kerana ia menjadikan orang Islam sama seperti mereka.

- d. **Murtad Hanya Mundur** : Hartono Ahmad Jaiz, pengarang buku “*Ada Pemurtadan di IAIN*”, dalam satu wawancara oleh akhbar Harian Pelita pada tahun 1986, bertanya kepada Nurcholish mengenai pengertian “*murtad*”, jika “*Islam*” diertikan sebagai **pasrah** kepada Tuhan. Beliau menjawab : “*Kalau orang Islam jadi Kristen, ya mundur. Ya jelas mundur. Itukan iring-iringan begini, Islam yang memimpini.*” Begitu mudah sekali golongan Liberal mengubah agama, lebih hebat daripada Yahudi. Al-Quran dengan jelas menyatakan bahawa orang murtad adalah kafir dan kekal dalam neraka jika mati tanpa kembali kepada Islam.
- e. **Yahudi dan Nasrani Tidak Kafir** : Dalam acara Mutiara Subuh AN-TV pada 14 Jun, 2000, seorang tokoh Liberal Dr. Kamaruddin Hidayat mengatakan bahawa di masa Nabi

Muhammad s.a.w. orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak dikatakan sebagai orang "*kafir*" tetapi di sebut sebagai "*Ahlul Kitab*". Pandangan ini dengan terang menyanggah Al-Quran yang menyatakan kedua golongan ini adalah Kafir seperti yang terdapat dalam surah At-Taubah ayat 30 dan surah Al-Manidah ayat 17, 72 dan 73.

- f. **Islam Tanpa Syariat** : Dalam tahun 2005, kelompok Liberal, British Council dan beberapa institusi lain menerbitkan sebuah buku berjudul "*Islam Tanpa Syariat : Menggali Universalitas Tradisi*". Buku ini merupakan koleksi ceramah cendekiawan Inggeris Ziauddin Sardar di beberapa tempat di Indonesia. Buku ini mengetengahkan gagasan bahawa tidak ada satupun aspek syariat yang sakral (suci). Hanya Quran yang suci. Kerana menurut gagasan ini – syariat adalah produk hukum ciptaan manusia. Mereka gagal memahami bahawa syariat adalah hukum-hukum yang jelas daripada Al-Quran yang mana mengingkarinya sama dengan mengingkari Quran.
- g. **Kahwin Beda Agama** : Dalam buku "*Fiqih Lintas Agama*" yang ditulis oleh Tim Penulis Paramadina diketuai oleh Nurcholis Madjid, dinyatakan : "*.....bahawa wanita muslim boleh menikah dengan laki-laki non-Muslim, atau pernikahan beda agama dan aliran kepercayaannya* " (hlm 64). Buku ini diterbitkan oleh Yayasan Wakaf Paramadina yang diasaskan oleh Nurcholish Madjid dengan kerjasama The Asia Foundation. Kaum Liberal telah menterjemah pandangan ini dalam amalan dan pelaksanaan seperti berikut ;
- Nurcholis Madjid telah menikahkan anak perempuannya Nadia dengan lelaki Yahudi di Amerika bernama David pada 30 September, 2001

- Dr. Kautsar Azhari, pensyarah IAIN Jakarta telah menikahkan Ahmad Nurcholish, seorang Islam dengan seorang wanita Cina bukan Islam bernama Ang Mai Yong pada 3 Jun 2005 di Islamic Centre Paramadina, Pondok Indah Plaza, Jakarta. Dan beberapa kes lain yang disebut oleh Hartono Ahmad Jaiz dalam bukunya.

Pada hakikatnya, faham liberal, pluralisme agama dan kawin beda agama bukanlah idea baru, atau suatu pembaharuan sebagaimana yang dicanang oleh kelompok Islam Liberal. Ia telah lahir sejak lebih daripada lima abad yang lalu, seperti yang dinyatakan oleh Karen Armstrong dalam bukunya "*A History of God*":

".....during the fourteenth and fifteenth centuries, the most creative forms of Hinduism stressed the unity of religious aspiration : all paths were valid, provided that they emphasized an interior love for the One God Some Muslims and Hindus formed interfaith societies....." (*.....dalam abad keempat belas dan kelima belas, bentuk ajaran agama Hindu yang paling kreatif menekankan kesatuan cita-cita agama: semua cara beragama adalah sah, jika mereka memberi penekanan kepada aspek kasih dalaman terhadap satu Tuhan..... Pada masa itu, sebahagian penganut Islam dan Hindu telah menubuhkan pertubuhan-pertubuhan antara kepercayaan*).

Akbar, Maharaja Moghul yang memerintah kawasan utara India (Delhi) dari tahun 1560 hingga 1605M merupakan pemerintah Islam yang menganut faham liberal serta mempraktikkannya dalam kehidupan dan pemerintahannya. Subhadra Sen Gupta dalam bukunya "*Taj Mahal*" ketika mengisahkan sikap beragama

Maharaja ini menyatakan: "For a man of his times, Akbar was surprisingly Liberal and curious when it came to matters of religion" (Bagi seorang yang hidup di zamannya, adalah memeranjatkan bahawa ia bersikap **liberal** dan aneh dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama).

Tafsiran "*Islam*" mengikut pengertian bahasa secara umum seperti yang digegaskan oleh Nurcholis Madjid merupakan tafsiran yang telah dianjurkan terlebih dahulu oleh Akbar. Tentang ini Karen Armstrong menulis:

"Islam in its original sense of 'surrender' to God could be achieved by any faith : What he certainly called 'Muhammads religion' did not have the monopoly of God" (Islam dalam pengertian asalnya yang membawa maksud 'penyerahan diri' kepada tuhan boleh dicapai melalui mana-mana kepercayaan: apa yang ia (Akbar) sudah pasti menamakannya sebagai "agama Muhammad" itu tidak memiliki hak monopoli Tuhan".

Dalam tahun 1575, ia mendirikan Rumah Ibadah (House of Worship) untuk pelbagai agama. Akbar pergi lebih jauh lagi dengan membentuk agama baru yang dinamakan "*Din Ilahi*" atau "*Tauhid Ilahi*". Agama baru ciptaan Akbar ini merupakan campuran daripada ajaran Hindu, zoroaster dan pemujaan terhadap matahari. Ia mengamalkan kawin beda agama dengan mengahwini putri Raja Amber tanpa memeluk Islam, malah dibenar terus mengamalkan agama asalnya, iaitu Hindu. Perkahwinan ini diikuti oleh beberapa perkahwinan lain seumpamanya. Pengaruh Hindu ke atas Akbar bukan sahaja menerusi Permaisurinya ini, tetapi juga melalui pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan pembesar-pembesar istana yang agak ramai daripada kalangan raja-raja Hindu seperti Raja Man Sing, Raja Birbal dan Raja Todar Mal. Disamping itu, penyelewengan kefahaman agama oleh Akbar ini juga

disumbangkan oleh penasihat-penasihatnya daripada kalangan syi'ah. Fahaman dan polisi liberal Akbar serta agama barunya ini telah terkubur dengan kematiannya pada tahun 1605. Anaknya Salim yang mengambil alih pemerintahan membatalkan semua polisi liberal ayahnya dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Berasaskan fakta-fakta sejarah sebagaimana yang dipaparkan diatas, maka idea-idea apa yang didakwa oleh golongan Liberal sebagai **pembaharuan** atau **pemodenan** itu pada hakikatnya tidak lebih daripada "**bangkai-bangkai**" yang telah terkubur sejak lebih daripada lima abad yang lalu, dihidupkan semula, diberi nafas dan pakaian baru, dihiasi dengan label-label yang mempesonakan seperti **pembebasan** dan **pembaharuan**, kemudian disogokkan kepada masyarakat Islam bagi memerangkap mereka supaya terjerumus kelembah kesesatan dan pengabdian kepada fahaman, gaya hidup dan agama yang asing serta bertentangan dengan gaya hidup dan agama Islam yang suci. Semuanya ini perlu dilakukan atas nama "*Islam*" supaya perangkap yang dipasang itu mudah memerangkap mangsanya daripada kalangan umat Islam. Tidak syak lagi bahawa kuasa asing yang ingin merosakkan Islam dan melemahkan umatnya adalah di belakang semuanya ini.

4.2 **Liberalisme dan Sekularisme**

Kedua-dua faham ini muncul sekitar abad ke 18 yang dikenali dengan zaman Pencerahan Eropa (European Enlightenment), iaitu masa yang diwarnai dengan pergolakan pemikiran yang berorientasikan superioriti akal (rationalism) dan pembebasannya dari kungkungan agama. Hasil daripada konflik yang berlaku antara gereja dan kaum rasionalis, muncullah suatu faham yang dikenali dengan "Liberalisme" (Liberalism), yang komposisi utamanya ialah : kebebasan, toleransi, persamaan dan keragaman atau pluralisme. Faham yang pada awalnya muncul sebagai mazhab sosial politik ini kemudian menulari bidang agama. Dalam perspektif ini, liberalisme bermakna: Kebebasan menganut, menyakini dan mengamalkan apa saja

yang sesuai dengan kecenderungan, kehendak dan selera masing-masing dan menjadikan agama sebagai urusan individu. Ini bermakna "*amar ma'ruf*" dan "*nahi mungkar*" dianggap sebagai hal yang bertentangan dengan semangat liberalisme. Misalnya orang yang berzina tidak boleh dihukum jika tidak membabitkan kekerasan.

Secara umumnya faham liberalisme mencakupi tiga fenomena pokok. Pertama, kebebasan berfikir yang seluas-luasnya, kedua, pandangan skeptikal (ragu) dan serba relatif; dan ketiga, manifestasi kemunafikan dimana seorang liberalis tidak mahu dikatakan kafir walaupun dirinya tidak lagi berpegang dengan ajaran agama. Penganut faham liberal menghendaki kebebasan bagi siapa saja mentafsirkan ajaran agama dan kitab sucinya tanpa terikat dengan ap-apa peraturan mahupun keputusan-keputusan yang diperakui oleh pihak otoriti gereja dan sistem kependitaan.

Kelahiran faham ini dalam lingkungan masyarakat Barat yang beragama Kristian sememangnya mempunyai justifikasinya sendiri. Namun apabila prinsip-prinsip di atas di bawa ke dalam lingkungan Islam, sudah pasti kerosakan akan berlaku kepada pegangan agama seorang muslim yang menganut liberalisme.

Dalam konteks peradaban Barat, semaraknya perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi mendorong munculnya usaha-usaha ahli teologi Kristian untuk menyesuaikan ajaran dan kebenaran Bible dengan perkembangan zaman. Perubahan paradigma mendorong ahli-ahli teologi Kristian menginterpretasikan kembali agama mereka. Malah bukan sekadar menginterpretasi kembali agama Kristian, autentisiti teks Bible itu sendiri yang selama ini dipercayai suci juga perlu digugat. Ini perlu dilakukan supaya agama Kristian tetap sesuai dengan perkembangan dan kehidupan masyarakat moden. Lalu mereka membuat interpretasi liberal terhadap Bible dan menolak interpretasi klasik. Interpretasi atau teologi liberal inilah yang kemudian dirangkai menjadi teologi sekular. Seorang pemikir Kristian Harvey cox berpendapat bahawa gagasan sekularisasi sememangnya didukung oleh

ajaran-ajaran Bible. Menurut Cox, kehidupan dunia perlu dikosongkan daripada nilai-nilai agama. Menurut faham sekular, kebenaran adalah relatif. Tidak ada nilai yang bersifat mutlak. Dengan konsep ini, penganut sekularisme tidak mungkin akan mengakui kebenaran Islam yang mutlak. Dengan itu juga mereka sudah tentu tidak dapat menerima prinsip-prinsip Islam yang bersifat tetap atau “thawabit” kerana semuanya dianggap relatif. Kebenaran bagi mereka apa yang “*berlaku dalam masyarakat*”, bukannya yang dikonsepsikan dalam mana-mana kitab suci.

Daripada latarbelakang dan tempat kelahirannya, jelas faham ini tiada kaitan dengan dunia Islam dan juga ajaran-ajaran yang terdapat dalam kitab suci Al-Quran. Setiap orang yang beriman sudah tentu dapat membayangkan betapa kerosakan yang akan berlaku kepada pegangan terhadap akidah dan syariah apabila fahaman ini cuba diterapkan ke dalam masyarakat Islam.

Peranan Harun Nasution dan Nurcholish Madjid

Harun Nasution dan Nurcholish Madjid boleh dikatakan pelopor dalam mengembangkan pemikiran Islam Liberal di Indonesia, khususnya di pusat-pusat pengajaran tinggi Islam”. **Prof. Dr. Harun Nasution**, kelulusan Universiti Mc Grill, Kanada mula menyemaikan benih-benih pemikiran Liberal ini di IAIN-IAIN seluruh Indonesia. Dalam tahun 1973, ia berjaya mempengaruhi pihak berkuasa institusi-institusi pengajian Islam di atas untuk menjadikan bukunya “*Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya*” sebagai buku rujukan utama bagi subjek “Pengantar Ilmu Agama Islam”. Bibet-bibet pluralisme agama mula diterapkan dengan pelbagai cara, antaranya melalui perjalanan sejarah ketiga-tiga agama – Islam, Yahudi dan Kristian – yang mempunyai asal yang satu, sehingga beliau sanggup menyatakan bahawa “kemurnian tauhid di pelihara hanya oleh Islam dan Yahudi”. Dalam masa yang sama ia menyebarkan faham Mu’tazilah yang memiliki akidah yang sesat akibat mengutamakan pendapat akal yang bebas sekalipun bertentangan dengan Quran dan Hadis. Dalam temubual dengan akhbar Pelita pada 14.7.1992, beliau menyatakan bahawa rukun Iman adalah lima seperti pendapat Mu’tazilah yang tidak

menerima Qada' dan Qadar sebagai rukun iman. Ketika ditanya tentang mukjizat, beliau menjawab :

“ Mukjizat itu ‘sunnatullah’ yang belum diketahui, kalau sudah diketahui, orang takkan hairan lagi, seperti Haji Lele (dukun/tabib di Jakarta – red) bisa mengubati AIDS. Misalnya “ Ini bererti mengengkari Mukjizat seperti faham Muktazilah.

Dr. Nurcholis Madjid, lulusan dari Chicago Universiti ini mempelopori gerakan sekularisme di Indonesia sejak tahun tujuh puluhan. Tonggak pembaruannya ini dilancarkan melalui pidato yang disampaikan pada 3 Januari 1970 di Jakarta berjudul “Keharusan Pembaruan Pemikiran Islam dan Masalah Integrasi Umat”. Dalam pidatonya itu ia menyeru kearah sekularisasi dan liberalisasi pemikiran Islam. Ia meniru gagasan Havey Cox dalam ‘*The Secular City*’ yang menjadikan Bible sebagai sumber sekularisasi, dengan mendakwa bahawa sekularisasi itu merupakan proses Islam seperti yang tertuang dalam kalimah syahadah.

Bibet-bibet liberalisme dan sekularisme yang disemai oleh dua tokoh ini terus dikembangkan melalui program penghantaran kader-kader ke negara Barat. Ini diakui oleh Harun Nasution dalam wawancara dengan Harian Pelita yang disebutkan sebalum ini :

“Pengembangan itu sudah banyak tenaganya. Mahasiswa yang dikirim ke luar negeri banyak dan yang sudah berkecimpung disini banyak. Seperti Nurcholish MadjidKamaruddin (Hidayat) dan akan datang Azumardi (Azra)”. Selepas tiga puluh tahun, sosok gerakan yang pada mulanya kelihatan agak sederhana ini berkembang dengan begitu dahsyat sekali ke tahap yang mungkin tidak pernah diduga oleh para pelopornya ketika gagasan ini mula dilancarkan. Contoh-contoh yang dipaparkan berikut ini dapat menceritakan keadaan yang disebutkan itu :

- a. **Pijak Tulisan Nama Allah** : Majalah GATRA edisi 7 Jun 2006 melapurkan, seorang pensyarah IAIN Sunan Ampel, Surabaya bernama Sulhawi Rubu. Ketika mengajar subjek Sejarah Peradaban Islam menyatakan bahawa al-Quran adalah hasil budaya manusia. *“Sebagai budaya, posisi Al-Quran tidak berbeda dengan rumput”*. Ia lalu menulis

lafaz Allah pada secarik kertas telapak tangan dan memijaknya dengan sepatu di hadapan para mahasiswa Fakultas Dakwah. Peristiwa yang berlaku pada 5 Mei 2006 itu dilaporkan oleh mahasiswa yang hadir kepada Rektor. Ia digantung tugas selama enam bulan.

Apa yang berlaku ini adalah angkara pengaruh faham Mu'tazilah yang berpendapat bahawa al-Quran adalah Makhluq. Dan antara yang aktif menyebarkan faham seperti ini ialah tokoh Liberal dari mesir Nasr Hamid Abu Zayd yang sering diundang oleh golongan Liberal untuk menyampaikan ceramahnya di Indonesia. Nasr, seorang pensyarah jurusan sastra Arab di Universiti Kairo berpendapat bahawa Quran adalah produk budaya dan merupakan teks linguistik. Dengan itu, ia tiada sifat azali dan tiada kesucian. Setelah dihukum murtad oleh sebuah Mahkamah di Kairo dalam tahun 1995, ia melarikan diri ke Belanda, seterusnya diterima sebagai tenaga pengajar di Universiti Leiden.

- b. **Zikir “Anjing-hu akhbar”** : Peristiwa ini berlaku di IAIN Sunan Gunung Djati, Bandung, pada 27.9.2004 ketika majlis ta’aruf bagi mahasiswa-mahasiswa baru Fakultas Ushuluddin. Ketika para mahasiswa sedang memasuki Dewan, juru acara meneriakkan kata-kata :

“ Selamat bergabung di arena bebas Tuhan “

“ Kami tidak ingin punya Tuhan yang takut pada akal manusia “

Dan yang lebih parah lagi apabila seorang mahasiswa jurusan Akidah & Falsafah mengepalkan tangannya dan meneriakkan kata-kata :

“ Kita berzikir bersama: anjing – hu akbar “ :

Peristiwa ini dilapor oleh Tabloid Republika dan mendapat bantahan keras daripada Forum Ulama Islam Indonesia (FUUI).

- c. **Menghina Allah Ta'ala** : Ahmad Wahib ; seorang aktivis Islam Liberal menulis dalam bukunya “ Pergolakan Pemikiran Islam : Catatan Harian Ahmad Wahib” : “Dalam gereja mereka, Tuhan adalah pengasih dan sumber segala kasih. Sedang di masjid atau langgar, dalam ucapan dai-dai kita, Tuhan tidak lebih mulia dari hantu yang menakutkan dengan neraka di tangan kanannya dan pecut di tangan kirinya”. Aktivis Islam Liberal ini pernah tinggal di Asrama Mahasiswa Katolik, Yogyakarta.
- d. **Quran Bukan Menasakhkan Kitab-Kitab Terdahulu** : Budhy Munawar – Rachman menyatakan dalam bukunya “*Islam Pluralis*” yang diberi kata pengantar oleh Nur Cholish Madjid : “pandangan-pandangan yang sering muncul dalam tafsir-tafsir klasik, yang mengatakan kedatangan Al-Quran itu menghapuskan-mo-nash keabsahan itu hanyalah tafsiran dan prasangka para penafsir itu “.
- e. **Nabi Muhamad S.A.W. Bukan Rasul Terakhir** : Budy dalam bukunya tersebut juga mendakwa bahawa : “*Nabi Muhammad S.A.W. yang dalam pandang teologis Islam dianggap sebagai ‘penutup’ (khatam) segala Nabi dan Rasul. Pengertian ‘penutup’ disini berkaitan dengan klaim argumen Islam sebagai agama terakhir : Dalam al-Quran kata ‘khatam secara harfiah bererti “cincin”, iaitu pengesah dokumen (seal)*”.

Pandangan ini bercanggah dengan nas “qatii” daripada Quran dan Sunnah serta ijma’ seluruh ulama’ yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. adalah Nabi yang terakhir. Al-Imam Ahmad Ridha Khan al-Hanafi dalam kitabnya “Muhammad Khatamunnabiyyin” menyatakan setelah menyebut ayat 40 daripada Surah al-Ahzaab : “Ini adalah nas yang “qatii” dalam masalah ini (Nabi Muhammad adalah Nabi terakhir). Oleh itu jadi kafir orang yang mengingkarinya, bahkan orang yang ragu-ragu dan syak tentangnya. Bukan sekadar itu sahaja, malah jadi kafir juga orang yang mengatakan ada kemungkinan khilaf dalam perkara ini walaupun kemungkinannya sangat tipis”. Pengertian

“*khatamonnabuyyin*” dalam Surah al-Ahzaab di atas telah diterangkan dengan jelas dalam Hadis-Hadis Soheh melalui riwayat yang banyak sampai ke peringkat “*mutawatir*”, antaranya Hadis riwayat Imam Bukhari yang bermaksud: “ *Sesungguhnya Kerasulan dan Kenabian telah terputus, maka tiada Rasul selepasku dan tiada Nabi*”. Oleh itu, ini adalah akidah asas yang menentukan iman dan kufur seseorang. Al-Qadi ‘Iyadh dalam kitabnya “Al-Syifa” menyebut : “Berlaku kesepakatan di kalangan ulama’ (ijma’) tentang kufurnya sesiapa yang menolak nas Quran atau Hadis yang disepakati kesahihan riwayatnya dan maknanya; Dengan demikian jadi kafir sesiapa yang tidak mengkafirkan orang yang tidak menganut agama Islam, tidak menentukan sikap (sama ada kafir atau tidak), atau meragui tentang kekufuran mereka, atau mengatakan agama mereka adalah benar, sekalipun ia menzahirkan yang ia beragama Islam”. Berasaskan ini, maka penganut faham liberalisme agama sepertimana yang dijelaskan sebelum ini tiada tempat dalam Islam. Hujah “cincin” yang digunakan oleh Budy itu sebenarnya telah digunakan oleh pengasas Ahmadiyah/Qadyani Mirza Ghulam Ahmad yang difatwakan oleh seluruh ulama sebagai terkeluar daripada Islam.

- f. **Islam Dan Qadyani Sama** : Prof. Dawam Rahardjo menyatakan dalam laman web (Islamlib) : “Ahmadiyah sama dengan kita
- Jadi kita tidak bisa menyalahkan atau membantah akidah mereka, apapun akidah mereka itu
- Misalnya, mereka percaya kalau Mirza Ghulam Ahmad itu adalah Nabi. Tapi kalau sudah menjadi kepercayaan mereka mahu apa? Itukan kepercayaan. Itukan sama saja dengan kita percaya kepada Nabi Muhammad S.A.W.”

Berikut ialah fatwa MUI mengenai Ahmadiyah :

“ Menegaskan kembali keputusan fatwa MUI dalam MUNAS 11 Tahun 1980 yang menetapkan bahawa Aliran Ahmadiyah **berada di luar Islam**, sesat dan menyesatkan, serta orang Islam yang mengikutinya

adalah **murtad** (keluar Islam). (Jakarta 12 Jumadilakhir 1426H/28 Julai 2005M)

Fatwa yang sama juga telah dikeluarkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan :

“Bahawa ajaran Ahmadiyah atau Qadiani yang dibawa oleh Mirza Ghulam Ahmad bukan daripada ajaran Islam dan orang-orang yang mengikut ajaran ini bukanlah orang Islam”.

Lulusan Sarjana ekonomi dari Universitas Gadjah Mada ini merupakan angkatan pelopor Islib. Sekarang ini memegang jawatan sebagai Rektor Universiti Islam 45.

- g. **Nabi Muhammad Manusia Biasa** : Hamid Basyarib dalam dialognya dengan Adnin Armas, menulis : *“ Muhammad itu manusia biasa, tak lebih dan tak kurang, seperti diungkapkan puluhan kali oleh Quran Kehebatan beliau yang dikaitkan dengan “keajaiban-keajaiban” tidak produktif untuk direproduksi terus menerus, bahkan bagi konsumsi kanak-kanak”.*
- h. **Akal Sebagai Wahyu** : Dalam Harian Kompas tanggal 18 November 2002, koordinator jaringan Islam Liberal, Ulil Abshar Abdalla menulis : *“Bagi saya, wahyu tidak berhenti pada zaman Nabi. Wahyu terus bekerja dan turun kepada manusia. Wahyu verbal memang telah selesai dalam Al-Quran, tetapi wahyu non verbal dalam bentuk ijtihad akal manusia terus berlangsung”.*
- i. **Seruan Belajar Daripada Yahudi dan Kristian** : Dr. Ahmad Syafii Maarif, Lulusan Ph. D. Daripada Universiti Chicago menulis dalam bukunya. *“Islam, Keindonesiaan dan Kemanusiaan”* : *“ Dalam tradisi monoteisme Ibrahim, Islam adalah agama termuda setelah Yudaisme dan agama Kristian. Oleh sebab itu, umat Islam harus pandai belajar*

sebanyak-banyaknya dari pengalaman “agama kakak” dalam menghadapi serbuan sekularisme ateistik ini” (hlm. 273).

Ini jelas merujuk kepada proses sekularisasi yang berlaku dalam kedua-dua agama di atas, yang menurut beliau perlu diikuti oleh umat Islam. Tokoh Liberal ini pernah mengajar di Fakulti Pengajian Islam, UKM (1990-1994).

- j. **Mencerca Imam Syafi’i** : Nurcholish Madjid bersama Tim Penulis Paramadina dalam buku *“Fiqih Lintas Agama”* di halaman 5 telah melemparkan cercaan terhadap Imam Syafii yang dituduh penghalang perkembangan fiqih : *“Kaum Muslimin lebih suka terbuai dengan kerangkang dan belunggu pemikiran fiqh yang dibuat Imam Syafi’i. Kita lupa, Imam Syafiee memang arsitek usul fiqih yang paling berlian, tapi juga kerana Syafi’ilah pemikiran-pemikiran fiqih tidak berkembang selama kurang lebih dua belas abad. Sejak Syafi’i meletakkan kerangka ushul fiqihnya, para pemikir fiqih Muslim tidak mampu keluar dari jeratan metodologinya”.*

Pencerca ulama ini tidak segan silu meletakkan kata-kata Imam Syafiee di halaman hadapan bukunya itu yang dianggap boleh membantu gagasan liberalnya. Dalam masa yang sama kita juga melihat golongan ini berlutut di hadapan pemikir-pemikir Barat daripada kalangan Yahudi dan Kristian laksana seorang abdi yang setia kepada tuannya dengan menuruti setiap jejak langkah dan gagasan mereka, lalu membawanya ke dalam lingkungan Islam.

- k. **Menggalakkan Homoseksual dan Perzinaan** : Kelompok Liberal di Indonesia sedang memperjuangkan agar perkahwinan sesama jenis dibenarkan di Indonesia. Malah gerakan ini muncul di Fakulti Syariah IAIN Sanarang. Mereka menerbitkan buku berjudul *“Indahnya Kawin Sesama Jenis “* yang isinya antara lain ialah :

“Bentuk riil gerakan yang harus dibangun adalah (1) mengorganisir kaum homoseksual untuk bersatu merebut hak-haknya yang telah dirampas oleh negara,.....(3) melakukan kritik dan reaktualisasi tafsir keagamaan (tafsir kisah Luth dan Konsep pernikahan) yang tidak memihak kaum homoseksual.....’

Seorang mahasiswa Muslimah di sebuah Universiti Islam di Yogyakarta menulis memoir kisah hidupnya dalam sebuah buku berjudul “Tuhan Iizinkan Aku Menjadi Pelacur” yang diterbitkan dalam tahun 2005 oleh penerbit Sapipta Manent dan Melibas, Yogyakarta. Antara kandungan buku ini ialah :

“Pernikahan yang dikatakan sebagai pembirokrasian seks ini, tak lain tak bukan adalah lembaga yang berisi tong-tong sampah penampung sperma yang secara anarkis telah membelah-belah manusia dengan klaim-klaim yang sangat menyakitkan. Istilah pelacur dan anak harampun muncul dari regim ini. Perempuan yang melakukan seks di luar lembaga ini dengan sangat kejam diposisikan sebagai perempuan yang sangat hina, tuna, lacur dan tak pantas menyandang harga diri. Padahal, apa bedanya pelacur dengan perempuan yang berstatus isteri? Posisinya sama”.

5. YAHUDI DAN LIBERALISME

Contoh-contoh diatas menampakkan dengan jelas jari-jari Yahudi di sebalik gerakan Liberalisma. Kisah yang dipaparkan dalam memoir mahasiswi di atas serta tuntutan menghalalkan homoseksual adalah merupakan antara matlamat tersembunyi yang direncanakan di sebalik gerakan yang dibaluti dengan kulit intelektual, ilmiah dan akademik ini. Menurut kepercayaan Yahudi, mereka adalah bangsa pilihan dan manusia istimewa (super human nature) manakala umat lain adalah merupakan haiwan yang dicipta Allah dalam bentuk manusia untuk berkhidmat kepada Yahudi. Dengan itu seluruh dunia perlu berada di bawah penguasaan mereka. Bagi mencapai cita-cita ini, para pemuka agama Yahudi

melalui pertemuan-pertemuan sulit di kalangan mereka telah mewujudkan rencana tindakan bangsa Yahudi yang dipanggil "Protocols of Learned Elders of Zion" yang ditemui dalam tahun 1901. Perbincangan tentang sah atau tidak dokumen ini tidak membawa banyak makna memandangkan peristiwa-peristiwa yang telah dan sedang berlaku menyaksikan kebenarannya. Antara perkara yang termuat dalam Protokol ini ialah :

- a. Menghancurkan kepercayaan kepada semua agama selain Yahudi, seperti yang disebut dalam protokol 4 : *"Menjadi kewajipan kita melenyapkan kepercayaan kepada semua agama selain agama kita. Sekalipun akan menyebabkan lahir golongan ateis moden, ia tidak bertentangan dengan matlamat kita "*. Kearah tujuan ini, *pertubuhan-pertubuhan Yahudi diwajibkan "...berusaha menimbulkan keraguan terhadap akidah agama di kalangan penganut-penganut agama bukan Yahudi, mencabut prinsip kepercayaan kepada Tuhan dan menggantikannya dengan metaliti aritmatik dan keinginan kebendaan.*

- b. Menghilangkan keyakinan terhadap para pemimpin agama bukan Yahudi, *"Kita telah menjalankan usaha-usaha bagi mencabut keyakinan terhadap pemimpin-pemimpin agama bukan Yahudi. Kita telah mencapai kejayaan besar dalam lapangan ini. Kebebasan akal telah dikumandangkan di mana-mana, maka saat ini kita hanya menunggu kehancuran agama Kristian. Selepas itu tiba giliran agama lain pula yang lebih mudah dilaksanakan (P. 17).*

- c. **Racun Liberalisme.** Protokol 10 menyebut *"Kita memperkenalkan kepada organisme negara racun "liberalism", maka seluruh struktur negara akan mengalami perubahan yang akan membawa kehancuran".* Dalam protokol 15 disebutkan *"Kitalah yang menyerukan faham liberalisme di kalangan "Goyim" (kafir bukan Yahudi), tetapi bagi Bangsa kita dan ejen-ejen yang bekerja untuk kita, dikenakan peraturan yang ketat".*

- d. Merusakkan jenerasi muda juga merupakan sebahagian daripada perancangan Zionis yang disebut dalam protokol 10; “Kita telah memperbodohkan, mempengaruhi dan merusakkan jenerasi muda Goyim dengan menyertakan mereka kepada prinsip dan teori yang kita tahu salah, bahkan kita yang menanam teori tersebut”. Dalam protokol 2 ditegaskan bahawa merekalah yang menjayakan “Darwinisan”, “Marxism” dan “Nietzscheism”. Dalam protokol yang diwujudkan lebih awal melalui pertubuhan sulit Yahudi “The Illuminati” disarankan penggunaan wang dan seks bagi memerangkap mereka yang akan dijadikan ejen Yahudi.

Disini kita dapat melihat dengan jelas keserasian antara perencanaan yang terdapat dalam protokol-protokol di atas dengan beberapa peristiwa yang berlaku, seperti :

- Perkahwinan anak Nurcholis Madjid dengan Yahudi Amerika
- Kenyataan Harun Nasution bahawa Yahudi masih memelihara kemurniaan tauhid
- Menggugat Quran sebagai kitab suci
- Memberi kata pengantar kepada buku yang menghina Nabi Muhammad S.A.W. oleh Azumardi Azra
- Mencerca Imam Syafi'i oleh Nurcholish Madjid
- Seruan Syafi'i Ma'arif supaya umat Islam belajar daripada Yahudi dan Kristian
- Perjuangan menghalalkan seks bebas dan homoseksual
- penggunaan dana Yahudi seperti The Asia Foundation dalam penyebaran faham Liberalisme dan lain-lain lagi.

Protokol 17 menyatakan bahawa usaha merosakkan agama Kristian telah mencapai kejayaan besar. Yang dimaksudkan dengan kejayaan itu antaranya ialah perubahan pandangan umat Kristian terhadap Yahudi daripada memusuhi kepada menyokong umat Yahudi yang sentiasa ditindas di Eropah sepanjang zaman pertengahan disebabkan ajaran-ajaran yang terdapat dalam kitab suci mereka, khususnya Talmud yang menghina Kristian dan Nani Musa (a.s.). Cetakan-cetakan awal Talmud mengandungi kata-kata keji terhadap al-Masih

seperti : “A fool” (Bodoh), “The Leper” (Pengidap Kusta) dan “The deciever of Israel” (Penipu Bani Israel). Mu’jizat-mu’jizat Nabi Isa dianggap “sorcery” atau sihir, manakala murid-murid Isa a.s. dianggap golongan bida’ah atau “heretics”. Kitab Injil (pula dinamakan “sinful book” (kitab yang penuh dengan dosa). Talmud juga mengandungi ajaran yang memusuhi seluruh umat manusia selain Yahudi (Goyim) yang dianggap haiwan dalam bentuk manusia. Dengan itu Talmud di serang hebat oleh Gereja Kristian dan telah beberapa kali dibakar di Eropah, iaitu di Paris dalam tahun 1244, 1266 dan di England dalam tahun 1290.

Ekoran daripada penindasan-penindasan pihak Kristian ini, bangsa Yahudi mengubah strategi dengan menghilangkan bahagian-bahagian yang menghina Nabi Musa a.s. dan umat Kristian daripada Kitab Talmud dalam cetakan-cetakan baru walaupun ia terus disampaikan secara lisan kepada penganut-penganut Yahudi. Dengan perancangan yang rapi, mereka berjaya menyusupkan pemikiran dan akidah Yahudi ke dalam kepercayaan Kristian melalui gerakan-gerakan pembaharuan agama yang melahirkan “Protestantism”, khususnya daripada cabang “Lutheranism” yang dipelopori oleh “Martin Luther” dan “calvinism” yang dipelopori oleh John Calvin. Kejayaan gerakan pembaharuan ini menyaksikan beberapa perubahan penting dalam sumber rujukan akidah. “Old Testament” telah menjadi sumber utama bagi kepercayaan, dan kebebasan bagi sesiapa saja mentafsir kitab suci tanpa sebarang ikatan. Tiga kepercayaan penting yang berjaya diserapkan ialah : a) Kepercayaan bahawa Yahudi adalah bangsa pilihan Tuhan; b) Kepercayaan bahawa wujud janji Tuhan yang termaktub dalam kitab suci bahawa Palestin adalah tanah suci Yahudi; dan c) Kepercayaan bahawa al-Masih hanya akan kembali semula setelah orang-orang Yahudi berkumpul dan mendirikan negara di Palestin. Setelah kedatangannya, al-Masih akan mengkristiankan orang-orang Yahudi dan seterusnya mendirikan pemerintahan yang adil dan aman selama seribu tahun.. Bumi Palestin yang dahulunya dianggap tanah suci Kristian hingga mencetuskan perang salib (crusades) dalam usaha merampasnya kembali daripada tangan umat Islam, kini telah bertukar menjadi bumi yang dijanjikan untuk orang Yahudi. Bertolak dari akidah ini, wujud kumpulan-kumpulan daripada kalangan penganut Kristian Protestant yang menyakini bahawa kerja mengumpulkan umat Yahudi di Palestin

merupakan satu kewajipan agama. Daripada sini lahirlah pergerakan “Christian Zionism” di Britain dan kemudiannya di Amerika ekoran penghijrahan pengikut-pengikut mazhab Protestant ke sana. Dianggarkan terdapat lebih 250 pertubuhan Zionis Kristian di Amerika pada masa ini.

Adalah jelas daripada fakta-fakta diatas bahawa sokongan Amerika dan negara-negara Eropah terhadap Israel didasarkan atas kepentingan akidah lebih daripada kepentingan-kepentingan yang lain, dan sokongan ini dianggap sebagai ibadat. Bekas Presiden Amerika Jimmy Carter ketika berucap kepada Parlimen Israel pada bulan Mac 1979 telah menyifatkan hubungan Amerika – Israel sebagai “Hubungan yang unik, kerana ia bertunjang di dalam hati bangsa Amerika di dalam akhlaknya, agama dan akidahnya”.

Kita lihat bagaimana Zionis mendalangi gerakan-gerakan pembaharuan agama yang bertunjangkan fahaman liberal dan kebebasan mentafsirkan teks agama tanpa terikat dengan sebarang kaedah dan disiplin ilmu. Kita Lihat juga bagaimana usaha-usaha penyusupan ini telah berjaya mengubah akidah agama, dan menukar persepsi Bangsa Eropah terhadap Yahudi daripada membenci kepada menyokong dan simpati. Salah seorang tokoh pembaharuan, iaitu John Calvin adalah merupakan seorang Yahudi yang nama asalnya adalah “cohen”. Sewaktu tinggal di Switzerland ia memakai nama “cavin”. Kemudian ia menukar namanya kepada “calvin” ketika berpindah ke England. Majalah “Catholic Gazette” keluaran Februari, 1936 menyiarkan ucapan salah seorang peserta persidangan Yahudi di Paris :

“Kita telah mengarahkan beberapa orang daripada anak-anak kita memasuki tubuh catholic, dengan arahan-arahan yang tegas supaya bekerja dengan cermat dan aktif bagi merosakkan Geraja dari dalam..... Hari ini dapat ditegaskan bahawa kitalah yang mencipta gerakan pembaharuan agama dalam Kristian. Calvin adalah daripada anak-anak kita, keturunan Yahudi, diarah melaksanakan amanah dengan galakan pemimpin-pemimpin Yahudi dan sokongan dana Yahudi. Ia telah berjaya melaksanakan rencana pembaharuan agama. Begitu juga Martin Luther telah mengikuti saranan-saranan sahabat-sahabatnya

daripada kalangan Yahudi. Di sini ia juga berjaya meluluskan jarumnya terhadap Gereja Katolik dengan kehendak pemimpin-pemimpin Yahudi dan dana mereka”.

Fahaman-fahaman yang pelik serta tindakan-tindakan aneh yang telah dipaparkan sebelum ini daripada kelompok Islam Liberal menandakan bahawa cara yang sama untuk merosakkan Islam sedang dijalankan dengan bertopengkan gerakan pembaharuan yang mengusung slogan-slogan yang mudah menarik perhatian seperti pembebasan, pemodenan dan sebagainya melalui ejen-ejen daripada kalangan umat Islam sendiri.

6. **ESQ dan FAHAM LIBERALISME**

- 6.1 ESQ (Emotional Spiritual Quotion) adalah sebuah Kursus Kepimpinan dan Pengurusan yang diasaskan oleh Ary Ginanjar Agustian di bawah Syarikat ESQ Leadership Center berpusat di Jakarta. Sekarang ini telah dikembangkan ke Malaysia melalui penubuhan beberapa pusat di Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Kelantan.

Kandungan kursus ini termuat dalam buku karangan Ary Ginanjar Agustian yang berjudul “Rahsia Sukses Membangun Kesedaran Emosi dan Spiritual ESQ”. (Lampiran A). Tentang latar diri penulisnya mengikut catatan di halaman akhir buku ini, ia lahir pada 24 Mac 1965 di Bandung, Indonesia. Beliau mendapat pendidikan di STP Bandung, Univesitat Udaryana, Bali dan Tafe College, Adelaid, South Australia. Tiada asas pengajian Islam secara formal, namun mendakwa belajar agama secara sendiri melalui metod “**kemerdekaan berfikir**” (Lihat Lampiran A-1).

Buku ESQ ini sekalipun merupakan sebuah buku yang membicarakan tentang latihan kepimpinan dengan latar belakang pendidikan pengarangnya yang bukan daripada pengajian Islam, namun ianya penuh dengan perbincangan tentang perkara-perkara yang sangat mendasar dalam Islam seperti rukun iman, rukun Islam,

tauhid, mukjizat dan sebagainya. Di sana-sini penuh dengan ayat-ayat Quran dan Hadis di selang seli dengan pendapat pemikir-pemikir kafir dari Barat. Penggunaan ayat-ayat Quran dan Hadis dibuat secara bebas sesuai dengan methods pengajian agama beliau yang dinamakan “kemerdekaan berfikir”. Walaupun pada zahirnya buku ini sebuah buku latihan kepimpinan namun ianya juga merupakan sebuah buku agama, memandangkan sebahagian besar perbahasannya adalah berkaitan agama.

Di Malaysia terdapat undang-undang tauliah bagi mengawal pengajaran agama, dikenakan terhadap sesiapa yang ingin mengajar agama walaupun ia memiliki ijazah dalam bidang pengajian Islam. Tetapi peraturan seperti ini tidak wujud di Indonesia disebabkan undang-undang negara yang berbeza. Namun jika pihak berkuasa agama di Malaysia tidak berhati-hati, undang-undang kawalan ini dapat ditembusi dengan mudah dengan berselindung di sebalik platform lain, seperti “*leadership training*” dan sebagainya; khususnya dari negara yang perkembangan faham liberalnya berlaku dengan begitu dahsyat sekali seperti yang dipaparkan sebelum ini. Dalang disebalik gerakan ini sudah tentu akan berusaha mengembangkannya ke Malaysia dengan menggunakan pelbagai cara, memandangkan negara ini merupakan harapan umat bagi kebangkitan semula Islam di zaman ini. Penyelidikan ini akan melihat sejauh manakah unsur-unsur liberalisme diserapkan dalam “*ESQ Leadership Training*” melalui penelitian terhadap buku yang disebutkan cetakan ke 39 Oktober 2001.

- 6.2 Pengarang buku ini seolah-olah ingin memberitahu pembacanya aliran Islam yang beliau anuti dengan menyatakan metod pengajian agamanya sebagai “**kemerdekaan berfikir**”. Faham liberalnya ini terserlah dengan jelas apabila kita membaca lembaran “*Dari Penulis*” dan “*Ucapan Terima Kasih*”. Dalam ruangan “*Dari Penulis*” beliau menyatakan : “*Cara pandang Enka Ainun Nadjib yang begitu moderat dan pluralis*, tanpa kehilangan karakter dalam memandang agama

dalam puisinya di bawah ini. Kiranya mampu **mempresentasikan apa yang juga saya rasakan kini**". Beliau lalu memetik puisi tersebut :


" Jika dalam buku ini ada Rukun Iman, Rukun Islam dan Ihsan, Bukan bererti eksklusivisme aliran atau agama tapi keinginan untuk menyampaikan kebenaran ". (hlm. 20). Dengan menolak eksklusivisme bermakna ia menganut aliran inklusif yang menyamakan semua agama. Dalam lembaran "ucapan terima kasih" beliau menyampaikan penghargaan tinggi kepada dua tokoh utama Islam Liberal di Indonesia : "Prof. Dr. Shafi'i Maarif, pemimpin umat yang sangat saya kagumi"; Prof. Dr. Nurcholish Madjid (alm), Cendekiawan Muslim yang arif bijaksana yang telah memberikan dukungannya yang sangat berharga." (hlm. 22)

6.3 **SQ (Kecerdasan Spiritual) dan God Spot**

Kedua-duanya merupakan topik penting dalam ESQ. SQ ditemui oleh Danah Zohar dan suaminya Ian Marshall dari Harvard University dan Oxford University. Bidang kajian mereka ialah Philosophy, Religion & Psychology. Sementara **God Spot** pula di temui oleh ahli saraf **VS Ramachandran** dan lainnya dari California University. Ditegaskan bahawa "Pada God Spot inilah sebenarnya terdapat *value* manusia tertinggi (the ultimate meanings) (hlm. 44).

Pertamanya : Bagaimanakah konsep yang dihasilkan orang kafir dalam hal yang berkaitan metafizik dan kerohanian ini boleh diterima sebagai pegangan Muslim? Kemudian diabsahkan pula dengan ayat Quran dan Hadis :


Hubungan antara IQ, EQ, SQ dan Tuhan



“Tiadakah mereka melakukan perjalanan di muka bumi, sehingga mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka merasa, dan mempunyai telinga yang dengan itu mereka mendengar? Sungguh, bukanlah matanya yang buta, tetapi yang buta ialah hatinya, yang ada dalam (rongga) dadanya.”

- QS Al Hajj (Haji) 22:46 -

Namun bagi kaum liberal, perkara ini tiada masalah kerana semuanya sama menuju kepada satu tuhan. Bahagian kulit buku “Fiqh Lintas Agama” diletak gambar rajah bulatan yang di dalamnya terdapat lambang semua agama dengan lambang cahaya yang dijuruskan ke bulatan tengah sebagai lambang satu tuhan.



Keduanya : **God Spot**. Memandangkan istilah ini lahir daripada orang bukan Islam, maka “God” itu bermaksud sama ada “Yahweh”, “Father”, “Jesus”, “Brahma”, “Vishnu”, “Shiva” dan sebagainya. Dengan itu konsep “God Spot” adalah jelas syirik dan kufur.

- 6.4 Suara Hati. Ary Ginanjar banyak sekali menggunakan konsep “suara hati” sebagai sumber rujukan dalam menentukan baik buruk sesuatu dan menggunakan konsep ini untuk mentafsir ayat-ayat Quran (Lampiran A-2). Pertamanya, konsep “suara hati” adalah merupakan ajaran Kristian. Saya perturunkan di sini tulisan Prof. Dr. Franz Magnis, Susena SJ, ahli teologi kelahiran Jerman yang menetap di Indonesia dalam buku “Menembus Batas Tradisi” :

“Dr. Banawiratma dari Universitas Sanata Dharma Yogyakarta, membandingkan dengan tepat faham inklusif Nurcholis Madjid dengan faham”kristen anonim” Karl Rahner (1904 -1484), barangkali ahli teologi katholik terbesar abad ini Maksud Rahner, di luar gereja yang kelihatan ada banyak sekali orang baik-baik yang sama sekali tidak ada kaitan dengan gereja dan tidak juga mahu masuk gereja – tetapi mereka berada dalam liputan rahmat illahi dan dengan demikian seakan-akan tanpa mengetahuinya sendiri secara “*anonim*” merupakan

orang Kristen dalam arti : dekat pada Yesus. Sejak di tahun 1965, Gereja Katolik dalam Konsili Vatikan II, secara resmi, tanpa tedang aling-aling menyatakan (dalam konstitusi 'Lumen Sentium' nr. 16: bahwa juga mereka yang tidak dibaptis dapat diselamatkan asal mereka **hidup menurut suara hati** mereka, istilah 'Kristian anonim tidak diperlukan lagi " (hlm. 175).

Adalah jelas konsep "suara hati ... merupakan ajaran Kristian yang cuba disebarkan di kalangan peserta kursus ini. Ini terbukti apabila "suara hati" diulang sebanyak 93 tempat dan merupakan istilah yang paling banyak digunakan dalam bukunya ini.

Keduanya, umat Islam disuruh mengikut apa yang diwahyukan kepada Nabi Kita Muhammad SAW, iaitu Quran dan Sunnah (Hud:109), juga jalan para Ambiyaa' dan Solihin (Luqman : 15). Inilah dia kaedah tarbiah para sahabat serta para ulama yang mengikut jalan mereka. Hatta para ulama sufi yang telah terbentuk jiwa taqwa mereka juga menegaskan segala peri laku, hal-ehwal dan gerak hati mereka perlu dinilai mengikut ukuran Quran dan Sunnah Al – Junaid menyatakan "mazhab kita ini terikat dengan prinsip Quran dan Sunnah". Abu Hafs menyatakan, " Sesiapa yang tidak menilai perbuatan dan hal ehwalnya pada setiap masa dengan ajaran Quran dan Sunnah dan tidak memeriksa gerak hatinya (sesuai atau tidak dengan Quran dan Sunnah) maka ia bukan daripada ahli Sufi". Manakala Abu Sulaiman al-Darani menjelaskan kadangkala hinggap di hati saya sesuatu kefahaman yang terbit daripada kalangan ahli sufi. Saya memerhatinya hingga beberapa hari, hingga saya pastikan ia disahkan oleh dua saksi yang adil, iaitu Quran dan Sunnah". Sekiranya suara hati menjadi rujukan utama, ini bermakna wahyu tidak diperlukan. Tidak perlu ada dakwah tabligh dan tazkiran di kalangan umat Islam, padahal inilah antara ciri utama "Khaira amnah" sebagaimana ditegaskan dalam Quran Surah Aali Imaran ayat 110'. Inilah dia jalan Islam dalam mencari kebenaran. Manakalan "suara hati" adalah daripada ajaran

Kristian dan selari dengan faham pluralisme agar ia yang bercanggah dengan Islam.

- 6.5 Mengingkari Mukjizat : Penulis buku ini menerima pendapat Muhammad Husein Haikal yang mengingkari mukjizat “hissi” daripada para Ambias’ yang banyak disebut dalam Quran dan Hadis-Hadis “Mutawatir”. Mengingkari mukjizat adalah kufur dengan ijmak ulamak. Ini ialah kerana keingkaran terhadap mukjizat merupakan penolakan yang nyata terhadap nas-nas Quran yang jelas maksudnya dan “Hadis Mutawatir”. Di halaman 159 ia memetik tulisan Haikal “....dan untuk memperkuat kenabiannya, ia tidak perlu harus bersandar pada apa yang dilakukan oleh mereka yang menyukai hal-hal yang ajaib”. Ia kemudian mengulas “ Inilah petanda khusus bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan nabi penutup (terakhir), yang sesuai dengan zamannya kemudian, yang begitu mengetatkan logika dan suara hati – bukan mukjizat ajaib yang seringkali tak bisa diterima akal yang sehat saat ini”. Inilah dia warisan pemikiran muktazilah yang dikembangkan oleh Harun Nasution yang menyamakan mukjizat Nabi dengan kemampuan dukun Haji Lela mengubat penyakit Aids. Dan inilah juga pemikiran sikular yang tidak dapat menerima prinsip-prinsip agama kecuali yang boleh dibuktikan secara saintifik. Kesilapan mereka ialah menggunakan ukuran yang sama dalam perkara-perkara yang berlainan tabiinya, iaitu fizik dan metafizik. Sedangkan ahli sains sendiri membezakan antara keduanya. Albert Einstein ketika melawat England dalam tahun 1921, telah ditanya oleh Archbishop of Canterbury mengenai implikasi teori “Relativity”nya terhadap teologi, beliau menjawab : “ None Relativity is a purely scientific matter and has nothing to do with religion” (Tiada “Relativity” adalah semata-mata perkara saintifik dan tiada kaitan dengan agama).
- 6.6 Mengguna dan mentafsir ayat-ayat Quran dan Hadis secara bebas untuk disesuaikan dengan kehendak ESQ. Sebagai contoh, setelah selesai menjelaskan kesemua maksud “The ESQ Way 165”, para

moderator akan membentangkan surah al-Maaidah ayat 3 (pada hari ini, aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu). Ini membawa pengertian bahawa ayat ini mengesahkan teori ESQ yang kebanyakan divedok daripada teori Barat serta diadunkan dengan teori Islam mengikut tafsiran pengasasnya yang berfikiran liberal. Sedangkan dalam ESQ terdapat ajaran yang menyeleweng dan kufur seperti mengingkari mukjizat “hissi” seperti yang disebutkan sebelum ini.

- 6.7 Menggunakan teori Kod 19 Rashad Khalifa untuk mentafsir al-Quran. Di halaman 192 beliau menyebut “Rasyad Khalifah (w1990M) menurutnya – Angka 19 mempunyai rahsia yang berkaitan dengan Al-Quran, termasuk dengan Bismillah itu sendiri Inilah salah satu kunci yang mengamankan kesucian Al-Quran yang merupakan sebuah mukjizatnya”.

Rashad Khalifa adalah versi baru bagi pengasas Qadyani Mirza Ghulam Ahmad. Dilahirkan di Mesir dalam tahun 1935, kemudian berpindah ke Amerika dalam tahun 1959 dan mendapat status warganegara. Beliau yang mendapat kelulusan Ph. D dalam bidang “biochemistry” ini tinggal di Tucson, Arizona.

Rasyad Khalifa telah mendirikan kumpulan agama yang dipanggil “United Submitters International (USI). Ia kemudian mendakwa sebagai Utusan Tuhan (rasul) dan mengistiharkan agama baru dipanggil “submission” yang didakwa sebagai “Islam” yang sebenar. Antara ajarannya ialah menolah Hadis dan menganggapnya sebagai pembohongan. Pada tahun 1974 ia mengeluarkan teori Kod – 19 bagi mentafsir ayat-ayat Quran seperti yang disebut oleh Ary Ginanjar. Pada 31 Januari 1990, Rasyad Khalifa telah ditikam hingga mati di Masjid Tucson. Pembunuhnya menghilangkan diri dan tidak dapat didakwa hingga sekarang.

Disini kita lihat bagaimana melalui metode “kemerdekaan berfikir” dan sikap pluralis, Quran telah ditafsir secara bebas dengan menggunakan teori mereka yang jelas murtad daripada Islam. Cara ini akan mengubah ajaran Islam sepertimana yang berlaku kepada Kristian.

- 6.8 Sebagai kesimpulannya : ESQ daripada sudut pandangan agama, adalah sarat dengan metode dan fikiran Liberal yang bertentangan dengan Islam dan boleh merosakkan akidah. Lebih bahaya lagi apabila fikiran tersebut diserap melalui platform latihan kepimpinan yang terlepas daripada pengawasan pihak berkuasa agama. Oleh itu, ia perlu disekat sebelum merebak menjadi penyakit “barah” yang bakal merosakkan akidah dan syariah dan sukar di kawal lagi.

7. KESIMPULAN

- 7.1 Gerakan Islam Liberal adalah usaha halus untuk mengeluarkan umat Islam daripada agama mereka tanpa disedari, dan ia dilakukan atas nama Islam. Dengan kata lain ia adalah program pemurtadan yang terancang dan sistematik dilaksanakan melalui platform intelektual, ilmiah dan akademik. Gerakan ini didalangi oleh kuasa asing yang ingin meruntuhkan Islam khususnya Yahudi (Zionism).
- 7.2 Adalah diperhatikan bahawa di bawah panji Islam Liberal ini terkumpul pelbagai anasir yang ingin merosakkan Islam termasuk Qadyani dan Syiah. Misalnya usaha menggugat keaslian Mushaf yang ada hari ini dan menganggapnya sebagai ‘perangkap Quraisy’ adalah daripada pemikiran Syiah yang menuduh para sahabat r.a. telah mengubah al-Quran. Dan Quran yang sebenar dikenali dengan “*Mushaf Fatimah*” ada pada Imam Mahdi “*yang ghaib*”. Mushaf ini akan lahir bersama kemunculan Mahdi yang dinantikan oleh umat Syiah”.
- 7.3 Gerakan yang pada peringkat awalnya tidak begitu ketara ancumannya ini berkembang dengan begitu dahsyat sekali seperti yang digambarkan

oleh seorang intelektual Indonesia, Dr. Ugi Suharto dalam bukunya “Pemikiran Islam Liberal” : “Mengapa sampai begitu dahsyat sekali faham pluralisme agama berkembang di Indonesia? Jawabannya adalah ringkas : kerana Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) secara perlembagaan tidak memberikan hak istimewa kepada Islam untuk menjadi agama rasmi negara, yang akhirnya Islam secara khusus tidak dilindungi dari segi undang-undang. Ini mesti menjadi pengajaran kepada Malaysia supaya terus mempertahankan Islam sebagai agama rasmi negara dalam perlembagaannya. Apabila tidak ada perlindungan undang-undang ini, maka anasir-anasir yang merosakkan Islam dari dalam begitu mudah disebarkan dalam masyarakat tanpa boleh dihalang oleh pemerintah Indonesia sendiri.”

- 7.4 Keadaan ini seharusnya memberi pengajaran kepada masyarakat Islam di Malaysia supaya menangani unsur-unsur yang merosakkan akidah diperingkat awal lagi agar ia tidak berkembang hingga menjadi ancaman kepada akidah umat dan sukar dikawal lagi. Juga pihak berkuasa agama perlu memanfaatkan sepenuhnya undang-undang yang ada bagi membendung ancaman ini sebelum masanya terlewat. Disamping itu, dalam rangka melaksanakan tanggungjawab memelihara kemurnian akidah, pihak yang bertanggungjawab juga perlu peka terhadap taktik penyusupan yang menggunakan ‘platform’ bukan agama, khususnya yang datang dari luar negara.

DAFTAR RUJUKAN

1. RUJUKAN BAHASA ARAB

- ١ . القرآن الكريم
- ٢ . السنة الشريغه
- ٣ . أحمد رضا خان الحنفى، محمد خاتم النبىن (القاهرة: دارالبيان.٢٠٠٢)
- ٤ . إحسان حقى، الدكتور (ترجمة)، برتوكولات حكماء صهيون (بيروت : دارالنفاءس .١٩٩٠).
- ٥ . إسماعيل راجى، لوس لمياء، الفارفى ، الدكتور، أطلس الحضرة الاسلامية (الرياض : مكتبة العبيكان ١٩٩٨).
- ٦ . أسعد السحمرانى، الدكتور، من اليهوديه إلى الصهيونية (بيروت : دارالنفاءس.١٩٩٣).
- ٧ . الاسفرايىنى، أبى المظفر، التبصره فى الدين. (بيروت : دارالكتب العلمية.١٩٩٨.٠).
- ٨ . إبراهيم الحارتى، الصهيونية من بابل إلى بوش. (طنطا : دارالبشير.٢٠٠٦)
- ٩ . محمد السماك، الصهيونية المسيحية. (بيروت : دارالنفاءس.١٩٩٣)
- ١ . ظفر الاسلام خان، التلمود نارينه وتعاليمه. (بيروت : دارالنفاءس.١٩٩٣)
- ١١ . عبد الحليم عويس ، الدكتور، الفكر اليهودي. (الجبزة : مركز الاعلام العربى.٢٠٠٣).

١٢. محمد لامكى بن مصطفى، العقيد الإسلامية، (بيروت : دارالبشاعر الإسلامية.٢٠٠٠).

RUJUKAN-RUJUKAN LAIN

1. Adian Husaini, **Islam Liberal, Pluralisme Agama & Diabolism Intelektual** (Surabaya : Risalah Gusti, 2005)
2. _____, **Pluralisme Agama : Haram**, (Jakarta, Pustaka Al-Kautsar, 2005)
3. _____, **Nurcholish Madjid, Kontroversi Kematian dan Pemikirannya** (Jakarta, Khairul Bayan Press, 2005)
4. Abdul Halim (Ed.) **Menembus Batas Tradisi** (Jakarta : Kompas, 2006)
5. Adian Husaini, NUIM Hidayat, **Islam Liberal**, (Jakarta, Gema Insani, 2002)
6. Adnin Armas, **Pengaruh Kristen-Orientalis Terhadap Islam Liberal**, (Jakarta : Gema Insani 2003)
7. Anis Nalik Thoha, Dr. **Tren Pluralisme Agama**, (Jakarta : Perspektif, 2005)
8. Ahmad Shafi'i Maarif, **Islam, Keindonesiaan dan Kemanusiaan**, (Bandung: Penerbit Mizan, 2009)
9. Ary Ginanjar Agustian, ESQ : **The ESQ Kay**, (Jakarta, Arga, 2007)
10. Budi Handrianto, **50 Tokoh Islam Liberal Indonesia**, (Jakarta : Hujjah Press, 2007)
11. Budhy Munawar – Rachman, **Islam Pluralis**, (Jakarta : PJ Raja Grafinda Persada, 2004)
12. Daud Rasyid, Dr., **Pembaruan Islam & Orientalisme dalam Sorotan** (Bandung : Syaamil, 2006)
13. Hartono Ahmad Jaiz, **Ada Pemurtadan di IAIN**, (Jakarta dalam Sorotan (Bandung: Syaamil, 2006)
14. _____, **Bunga Rampai Penyimpangan Agama di Indonesia**, (Jakarta : Pustaka Al-Kautsar, 2007)
15. Ismail Raji, Lois Lamy, al-Faruqi, Dr., **The Cultural Atlas of Islam** (New York, Maamillan 1986)
16. Karen Armstrong, **A History of God** (New York : Ballantine Books, 1994)
17. Roshen Dalal, **The Penguin Dictionary of Religion in India** (New Delhi : Penguin Books India, 2006)
18. Subhandra Sen Gupta, **Taj Mahal**, (New Delhi : Parkash Books India, 2006)

19. Tim Penulis Paramadina, **Fiqh Lintas Agama**, (Jakarta : Paramadina, 2004)
20. Ugi Suharto, **Pemikiran Islam Liberal**, (Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar, 2007)
21. Venika Mehra Kingsland, **Hinduism**, (London : Simple Guides, 2008)
22. Majalah **Suara Hidayatullah**, September 2005 (Surabaya : PT. Lentera Jagad Abadi)
23. Majalah **Media Dakwah**, Oktober 2006 (Jakarta : Dewan Dakwah Islamiah Indonesia).